

21/02/2005

Kerja rumah didik pelajar lebih berdaya saing, kreatif

Oleh SYIDKIN2000

SAYA ingin mencadangkan ibu bapa supaya melatih anak-anak menguasai budaya Cina untuk mengubah cara pemikiran mereka ekoran polemik mengenai bebanan kerja rumah yang diberikan kepada murid.

Merujuk surat Shahrul yang bertajuk 'Guru Berfikir' baru-baru ini, saya mencadangkan supaya kita memberi anak-anak kita makan malam pada jam 7 malam dan disusuli solat Maghrib agar mereka mempunyai banyak masa terluang selepas itu.

Amalan kerja rumah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) sebenarnya mengajar anak kita budaya mencari ilmu, berfikiran kritis, kreatif, berdaya saing dan kuat bekerja. Ia sebenarnya saling pelengkap dalam memajukan masyarakat Melayu hari ini.

Kita tidak mahu lagi muncul dalam Berita TV mengadu anak ke sekolah memakai selipar Jepun kerana kerajaan lambat bantu. Hal ini tidak berlaku di kalangan orang Cina kerana sejak di bangku sekolah, mereka diajar bekerja keras tanpa meminta-minta.

Anak saya rajin menyiapkan kerja rumah. Beliau berpeluang hadir kelas tuisyen bahasa Cina untuk memantapkan penulisan dan berkomunikasi bahasa Cina.

Kepada saudara Shahrul, pernahkah anda mendengar ibu bapa SJK (Cina) merungut anak mereka dibebani kerja rumah dan tiada masa untuk beriadah? Mereka tidak merungut anak keluar sekolah jam 6.30 petang setiap hari walau anak kita waktu itu sudah berada di depan pintu rumah.

Sekali lagi anak kita rugi masa pembelajaran 30 minit sehari. Kita agak ketinggalan dalam bidang ekonomi, mahukah kita ketinggalan semakin jauh dalam budaya kerja seharian?

Saya dan jutaan lagi rakyat Malaysia menghabiskan masa selama 13 tahun tidak berasa beban walau banyak mana kerja rumah diberikan oleh guru.

Kini saya sebagai guru yang pernah dipinjamkan di Jabatan Pelajaran Negeri, menjadi biasa dengan bekerja waktu panjang, kadangkala dari jam 8 pagi hingga jam 3 pagi ketika keluar daerah.

Semua ini boleh dilalui kerana ketika belajar dulu, amalan mentelaah buku dan membuat kerja rumah hingga lewat malam sering dilakukan sehingga belajar di universiti. Malah kegiatan sosial bersama rakan sebaya tidak terjejas dan berjalan seperti biasa.

Amalan ini saya lihat dipraktikkan oleh tiga anak saya yang masih menuntut di sekolah rendah. Dua orang di Sekolah Kebangsaan dan seorang di SJK (Cina).

Untuk pengetahuan semua, tiada ada bezanya pendidikan sama ada di Johor mahupun di Perak. Di Perak ibu bapa juga menghantar anak ke sekolah agama.

Kini SJK (Cina) mempunyai kelebihan kerana anak mereka belajar Matematik dan Sains dalam dwi-bahasa.

Berbanding anak Melayu, kita hanya diajar 'one plus one equals two'. Di negara manakah di dunia ini kita boleh jumpa anak pribuminya diajar sebegini selain di Malaysia? Saya bukan 'anti-establishment' tetapi sedih melihat anak Melayu gagal menguasai ilmu dalam bahasa ibunda seperti kaum lain di Malaysia.

Sepatutnya Matematik dan Sains dilaksanakan dalam dwi-bahasa. Ruginya kita orang Melayu kerana tidak mahu berkerja lebih. Kurang pula dua kerja rumah untuk anak kita.

Kementerian Pelajaran pula menghabiskan jutaan ringgit mencetak buku

teks baru berbahasa Inggeris. Buku teks lama dijual kepada 'tauke surat khabar lama'. Sebahagian besarnya pula semakin lusuh dimamah anai-anai di stor buku teks, Jabatan Pelajaran Negeri. Buku kerja berbahasa Melayu di perpustakaan pula berhabuk kerana tidak disentuh.

Bagi minda mereka tiada lagi manfaat belajar dan membuat latihan Matematik dan Sains dalam bahasa Melayu.

Masalah ini tidak timbul di kalangan orang Cina kerana mereka masih memahami istilah Matematik dan Sains dalam bahasa Cina. Maka tidak timbul beban kerja rumah kerana ibu bapa masih mampu membantu anak-anak.

Kini saya cuti belajar dan punya banyak masa bersama keluarga di rumah. Membuat tugas kuliah hingga melewati waktu subuh adalah perkara biasa bila di kampus. Bila di rumah, saya sentiasa memenuhi masa terluang bersama anak membuat kerja rumah secara total.

Dua jam bersama anak (biasanya dari jam 8 hingga jam 10 malam) tidak nampak mereka merungut. Malah kerja rumah sama banyak walaupun mereka berlainan aliran sekolah. Kerja rumah ini disemak oleh saya atau isteri sebelum mereka masuk tidur.

Pelbagai alasan diberikan oleh kita masyarakat Melayu apabila kerja rumah anak semakin bertambah.

Inilah yang sering dikatakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad. Orang Melayu sukar diubah, sukar berubah dan sentiasa perlu dibantu kerajaan.

Alasan Shahrul agak aneh kerana kerja rumah anaknya cukup memenatkan dan boleh menjejaskan fungsi otak kiri. Tidakkah beliau melihat bagaimana anak kita membuat kerja rumah bagi bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sains, Kajian Tempatan dan Pendidikan Seni meruntun anak-anak kita berfikir secara kreatif dan kritis.

Otak sebelah manakah yang digunakan dalam hal ini? Secara jujur saya katakan anak-anak jika tidak diajar, mengambil masa separuh hari menggunting kertas buat anyaman tikar untuk Pendidikan Seni.

Hari ini berikutan arahan terbaru, ramai guru mula goyah untuk memberi kerja rumah. Minggu ini setiap anak saya mempunyai hanya dua kerja rumah yang boleh mereka habiskan dalam masa sejam.

Berbanding sebelum ini di antara tiga atau empat kerja rumah. Janganlah kita membuat satu lagi kesilapan besar tanpa kajian yang mendalam.

SYIDKIN2000,
Ipoh, Perak.

(END) Source : Berita Harian